

Kerajaan perlu teliti idea mansuh Akta Hasutan

KUALA LUMPUR 11 Jun - Kerajaan perlu meneliti semula usaha untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 yang mempunyai peranan besar dalam menjaga kepentingan rakyat dan institusi raja-raja Melayu.

Pensyarah Fakulti Undang-undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Prof. Datuk Noor Aziah Mohd. Awal** berkata, terdapat banyak pihak yang cuba mencari ruang dan peluang untuk merentap hak keistimewaan orang Melayu dan kedaulatan raja-raja Melayu sejak dari dahulu demi kepentingan mereka.

"Peranan majlis raja-raja Melayu adalah untuk mempertahankan orang Melayu serta agama Islam dan ia dilindungi oleh Akta Hasutan 1948.

"Sekiranya akta ini dimansuhkan, maka memberi peluang kepada anasir-anasir yang sudah menunggu lama mahukan keistimewaan yang sama seperti mana diperolehi oleh orang Melayu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas program Bicara Pasca Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14): *Menghormati Semangat dan Peruntukan Perlembagaan* yang berlangsung di Bangunan Canselori, UKM.

Yang turut menjadi panel ialah Pensyarah Fakulti Undang-Undang UKM, Prof. Datin Dr. Faridah Jalil; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Meru, Mohd. Fakhrurazi Mohd. Mohktar dan pengamal undang-undang, Azhar Harun.

Sementara itu menurut Azhar, kerajaan perlu mempertimbangkan mekanisme baharu dalam memastikan proses pemilihan Peguam Negara pada masa akan datang dilakukan dengan lebih telus dan mengikut amalan demokrasi dalam negara.

Katanya, langkah untuk me-

wujudkan majlis pemilihan Peguam Negara yang dianggotai wakil kerajaan, pembangkang dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dilihat mampu membuatkan semua pihak berpuas hati dengan calon Peguam Negara pada masa akan datang.

"Mungkin proses pendengaran pemilihan Peguam Negara dapat ditayangkan secara langsung pada masa akan datang bagi memastikan ia dapat direformasikan berbanding sebelum ini," katanya.

Sementara itu, Penasihat Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), **Prof. Dr. Nik Ahmad Kamal Nik Mahmood** berkata, peruntukan yang melarang kritikan terhadap kerajaan seharusnya dipinda atas dasar kebebasan menyuarakan pendapat untuk mengur dan memperbetulkan kesalahan.

Katanya, pengertian hasutan juga hendaklah diperincikan kepada hasutan yang boleh mencetuskan konflik antara kaum dan agama serta hasutan yang merendahkan martabat institusi raja berperlembagaan.

"Pada amnya akta hasutan masih relevan dalam suasana negara pelbagai kaum dan agama yang boleh mencetuskan konflik. Begitu juga dengan Malaysia sebagai sebuah negara mempunyai raja berperlembagaan terdedah kepada unsur konflik sebagaimana tular sebelum



NOOR AZIAH MOHD. AWAL



AZHAR HARUN



NIK AHMAD KAMAL

ini.

"Isu agama, kaum dan raja amat sensitif berikutan perkembangan media sosial yang sukar dikekang atas nama kebebasan bersuara. Ia boleh mengundang kebencian antara agama, kaum dan rakyat serta raja. Saya berpendapat dalam konteks ini Akta Hasutan 1948 masih relevan," katanya.